



MAJLIS PELANCARAN DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) 2018 - 2025



YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025 pada 28 Januari 2019 yang lalu bertempat di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur. DRN 2018-2015 ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 November 2018 dan merangkumi 5 fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan.

Pelan tindakan DRN (2018-2025) yang telah dilaksanakan oleh KPKT ialah melaksanakan rasionalisasi perumahan melalui perpindahan 3 agensi utama yang terlibat dalam program perumahan ke bawah pentadbiran KPKT iaitu Perbadanan PRIMA Malaysia dari Jabatan Perdana Menteri; Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dari Jabatan Perdana Menteri; dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) dari Kementerian Kewangan.

Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) turut menggariskan standard, spesifikasi utama serta panduan bagi pembangunan rumah mampu milik. Ia merangkumi kategori perumahan awam dan sosial yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta bagi menyediakan perumahan mampu milik awam dan sosial yang mencukupi, kondusif, selamat dan dilengkapi pelbagai kemudahan.

Dalam majlis yang sama, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin turut menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Rumah Transit Belia KP KT Dan Rumah Mampu Milik antara Kerajaan Malaysia dengan TISY Sdn. Bhd. dan Pembinaan Kery Sdn. Bhd. sebagai pelabur yang akan membiayai kos perancangan dan pembinaan bangunan Rumah Transit Belia KP KT. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan menyediakan tanah tanpa perlu menyediakan sebarang kos Pembangunan.

Inisiatif ini diambil bagi mencapai hasrat Kerajaan yang telah mensasarkan pembinaan 10,000 unit rumah transit khusus untuk membantu golongan muda dan M40 terutamanya di bandar-bandar utama di Malaysia. KP KT telah menyahut saranan tersebut dengan merancang pelaksanaan Rumah Transit Belia KP KT dengan menyediakan perumahan transit sehingga mereka mampu membeli rumah sendiri.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat